

KHUTBAH JUMAAT

“MENCEGAH DAN MENANGANI FAHAMAN KHAWARIJ, PELAMPAU AGAMA”

(27 September 2024M/ 23 Rabiulawal 1446H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا،
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يُضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ
لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual dan menggunakan telefon. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk: “**Mencegah dan Menangani Fahaman Khawarij, Pelampau Agama**”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Umat Islam menyaksikan kemunculan pelbagai kelompok dan aliran pemikiran yang bertentangan dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ada kelompok yang muncul akibat kejahilan terhadap ajaran agama, sebahagiannya pula berpunca daripada pemahaman yang menyeleweng dan melampau dalam menafsirkan nas agama. Salah satu kelompok yang tertua muncul atas faktor ini dikenali dengan nama Khawarij.

Menurut al-Shahrastani *rahimahullah* di dalam kitabnya *al-Milal wa an-Nihal*, asal maksud perkataan khawarij ialah “keluar”, merujuk kepada tindakan kelompok ini yang keluar daripada bai’ah (janji setia) kepada pemerintah yang sah dan enggan mengiktirafnya. Kelompok terawal khawarij ialah mereka yang bertindak memberontak secara bersenjata terhadap Saidina Ali bin Abi Talib *radiallahu anhu* dalam Perang Siffin.

Sebenarnya, bibit-bibit pemikiran Khawarij telah wujud sejak awal lagi iaitu pada zaman Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*. Abu Said al-Khudri *radiallahu anhu* meriwayatkan bahawa terdapat seorang individu yang digelar *Zul Khuwaisirah* telah membantah cara Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* membahagikan harta dan melemparkan tuduhan bahawa Baginda *sallallahu alaihi wasallam* berlaku tidak adil dalam hal tersebut. Lalu, Baginda *sallallahu alaihi wasallam* menempelak individu tersebut dengan sabdanya:

((... فَإِنَّ لَهُ أَصْحَابًا يَحْقِرُ أَحَدُكُمْ صَلَاتَهُ مَعَ صَلَاتِهِ وَصِيَامَهُ مَعَ صِيَامِهِ
يَمْرُقُونَ مِنَ الدِّينِ كَمَا يَمْرُقُ السَّهْمُ مِنَ الرَّمِيَّةِ ...))

Maksudnya: *Sesungguhnya dia (Zul Khuwaisirah) mempunyai teman-teman yang salah seorang antara kamu akan diremehkan solatnya jika dibandingkan dengan solat mereka, dan puasanya jika dibandingkan dengan puasa mereka. Mereka membaca al-Quran tetapi tidak melebihi kerongkong mereka, mereka terlepas dari Islam sebagaimana terlepasnya anak panah dari busurnya.*

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Imam Ibn Hajar al-'Asqalani *rahimahullah* dalam kitabnya *Fath al-Bari* berkata: "(Golongan Khawarij) itu dahulu digelar al-Qurra' disebabkan kerajinan mereka dalam membaca al-Quran dan beribadah. Namun, mereka telah melakukan penyelewengan dalam mentakwilkan (mentafsirkan) al-Quran, taksub dengan pemikiran mereka serta berlebih-lebihan dalam zuhud, khusyuk dan selainnya."

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Antara bentuk pemikiran melampau golongan Khawarij adalah mereka bermudah-mudah dalam menjatuhkan hukum kafir (takfir) kepada orang lain yang tidak sependapat dengan mereka. Ketika berlakunya krisis antara penyokong Saidina Ali dan Muawiyah *radiallahu anhuma*, mereka telah bertindak mengkafirkan Saidina Ali *radiallahu anhu* dengan berhujahkan ayat al-Quran menurut pemahaman mereka yang menyeleweng. Mereka telah memetik ayat daripada surah al-Maidah, ayat 44:

... وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ

Maksudnya: ... *Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya), maka mereka itulah orang kafir.*

Puak Khawarij telah melaungkan slogan, “*Kedua-dua pengadil itu telah kafir, kerana sesungguhnya tidak ada pengadilan melainkan bagi Allah,*” ketika menolak cara penyelesaian perdamaian di antara Saidina Ali dengan Muawiyah *radiallahu anhuma* yang disebut sebagai peristiwa tahkim.

Lebih malang lagi, mereka tergamak mengkafirkan para sahabat besar yang lain seperti Muawiyah bin Abi Sufyan, al-Zubayr dan Aishah *radiallahu anhum* serta menghalalkan darah mereka. Lama kelamaan konsep takfir (mengkafirkan orang) menurut pemikiran mereka turut berubah. Kafir bukan lagi hanya dinisbahkan kepada mereka yang tidak berhukum dengan al-Quran, tetapi orang yang melakukan dosa besar juga turut dianggap kafir oleh golongan Khawarij ini.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah memberi peringatan mengenai kemunculan Khawarij dan menyuruh kita agar berwaspada terhadap kelompok ini. Saidina Abu Dzar *radiallahu anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

﴿إِنَّ بَعْدِي مِنْ أُمَّتِي - أَوْ سَيَكُونُ بَعْدِي مِنْ أُمَّتِي - قَوْمٌ يَقْرَأُونَ
الْقُرْآنَ لَا يُجَاوِزُ حَلَاقِيمَهُمْ يَخْرُجُونَ مِنَ الدِّينِ كَمَا يَخْرُجُ السَّهْمُ مِنَ
الرَّمِيَّةِ ثُمَّ لَا يَعُودُونَ فِيهِ هُمْ شَرُّ الْخَلْقِ وَالْخَلِيقَةِ﴾

Maksudnya: Setelah kewafatanku kelak, akan muncul suatu kelompok daripada kalangan umatku yang pandai membaca al-Quran, tetapi tidak melepasi kerongkongan mereka. Mereka keluar daripada Islam, seperti anak panah yang meluncur dari busurnya dan mereka kemudiannya tidak akan kembali lagi ke dalam agama itu. Mereka itu adalah sejahat-jahat makhluk dan akhlak mereka juga sangat buruk.

(Hadis riwayat Imam Muslim)

As-Sindi *rahimahullah* dalam *Hasyiah* beliau menyatakan: golongan Khawarij gemar menggunakan slogan dan retorik bersifat umum seperti, “Tiada hukum kecuali hukum Allah” dan “Kembali kepada Kitabullah” dan seumpamanya, namun, tindakan mereka tidak selari dengan laungan mereka.

Mereka bersikap seperti ‘talam dua muka’. Dahulunya mereka mendakwa ingin berhukum dengan al-Quran, setia dengan kebenaran dan mengingkari kezaliman, menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran, akan tetapi mereka jualah yang paling lantang mengkafirkan dan memerangi sekalian para sahabat dan umat Islam lain. Mereka lebih gemar menghalakan permusuhan terhadap umat Islam dan memetik teks agama luar daripada

konteksnya. Imam al-Bukhari *rahimahullah* merekodkan pandangan Ibn Umar *radiallahu anhuma* mengenai kelompok ini:

"وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ يَرَاهُمْ شِرَارَ خَلْقِ اللَّهِ وَقَالَ إِنَّهُمْ انْطَلَقُوا إِلَى آيَاتِ نَزَلَتْ فِي الْكُفَّارِ فَجَعَلُوهَا عَلَى الْمُؤْمِنِينَ"

Maksudnya: Ibn 'Umar berpandangan bahawa mereka (golongan Khawarij) adalah seburuk-buruk makhluk Allah. Beliau berkata: "Sesungguhnya, mereka menuju kepada ayat-ayat yang diturunkan kepada orang kafir, lalu mengenakannya (menggunapakai) ke atas orang beriman.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya, pemikiran yang melampau dan ekstrem telah mendorong kepada kemunculan Khawarij. Ekstrimisme agama merupakan perkara yang dilarang secara tegas dan jelas oleh al-Quran. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Maidah, ayat 77:

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لَا تَغْلُوا فِي دِينِكُمْ غَيْرَ الْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعُوا أَهْوَاءَ قَوْمٍ قَدْ ضَلُّوا مِنْ قَبْلُ وَأَضَلُّوا كَثِيرًا وَضَلُّوا عَنْ سَوَاءِ السَّبِيلِ (٧٧)

Maksudnya: Katakanlah: Wahai Ahli Kitab! Janganlah kamu melampau dalam agama kamu secara yang tidak benar, dan janganlah kamu menurut hawa nafsu suatu kaum yang telah sesat sebelum ini dan telah menyesatkan banyak manusia, dan juga (sekarang) mereka telah tersesat (jauh) dari jalan yang betul.

Islam datang dengan membawa ajaran yang rahmah lagi indah. Sebarang bentuk pelampauan sama ada dalam pemikiran dan tindakan, adalah ditegah. Hayatilah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Majah *rahimahullah* daripada Ibn Abbas *radiallahu anhuma*, bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((... يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِيَّاكُمْ وَالْغُلُوفَ فِي الدِّينِ، فَإِنَّهُ أَهْلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ الْغُلُوفَ فِي الدِّينِ))

Maksudnya: *Wahai manusia. Awaslah kamu daripada melampau dalam beragama, kerana binasanya golongan terdahulu sebelum kamu adalah disebabkan sikap melampau mereka dalam beragama.*

Hari ini kita mungkin tidak mengenali mereka melalui nama Khawarij, tetapi tindak tanduk, gelagat, slogan-slogan dan pernyataan mereka dapat kita kenali bahawa mereka adalah golongan yang melampau iaitu Khawarij.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya, keselamatan dan keharmonian nasional merupakan dua aspek asas yang menunjangi kestabilan negara. Oleh yang demikian, kerajaan telah membangunkan **Pelan Tindakan Malaysia bagi Mencegah dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan (MyPCVE)**.

Pelan ini merupakan garis panduan utama dalam menyelaraskan peranan, strategi dan inisiatif tindakan oleh pelbagai sektor kerajaan, swasta, media massa, pendidikan mahupun pelbagai kategori

kumpulan masyarakat. Ianya menyasarkan untuk menangani ancaman fahaman melampau keganasan berdasarkan kepada empat teras iaitu Pencegahan, Penguatkuasaan Pemulihan dan Pengukuhan.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita bersama-sama mengambil pengajaran dan penghayatan daripada khutbah ini, antaranya ialah :

Pertama: Kita hendaklah berwaspada daripada terpengaruh dengan pemikiran yang melampau dalam beragama, bermudah-mudah dalam menjatuhkan hukum terhadap orang lain yang tidak sependapat dengan kita dan menafsirkan teks agama menurut selera pemikiran seperti golongan Khawarij.

Kedua: Doktrin melampau seperti golongan Khawarij merupakan suatu barah kepada pemikiran umat Islam yang perlu ditangani dengan bersepadu dan saksama menerusi pendekatan dakwah dengan hikmah dan rahmah serta tindakan yang berpaksikan hujah.

Ketiga: Umat Islam perlu bersatu dalam membina kekuatan dan menguruskan sebarang bentuk perselisihan dengan santun dan tenang agar tidak membawa kepada perpecahan yang merugikan dan boleh merapuhkan kekuatan ummah.

Keempat : MyPCVE mampu mencapai kejayaan melalui komitmen dan penglibatan pelbagai pihak yang merangkumi agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, warga pendidik bagi pelbagai

peringkat pendidikan dan pertubuhan masyarakat sivil yang mewakili segenap kategori serta lapisan masyarakat di Malaysia.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Anfaal, ayat 46:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنَازَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ ۖ وَأَصْبِرُوا ۚ إِنَّ
اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ (٤٦)

Maksudnya: *Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah beserta orang yang sabar.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada kesempatan ini, khatib menyeru agar kita bersama-sama terus mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikan makanan yang diambil adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan

kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.